

# Maksum jalani program tabur bakti di Semporna

Oleh RUZAINI ZULKIFLI

ruzainiUB@gmail.com

UB 17/11/11 B13

**SEMPORNA:** Seramai 48 mahasiswa daripada tiga buah universiti tempatan iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menabur bakti di Semporna, baru-baru ini.

Program di bawah anjuran Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum) itu berlangsung selama empat hari melibatkan tiga program utama mahasiswa bersama masyarakat setempat di Pulau Mabul, Pulau Bum-Bum dan Kampung Pokas di sini.

Pengerusi Maskum, Prof Dr Wan Mahzom Ahmad Shah berkata dalam Program Perdana Maskum itu, kumpulan mahasiswa dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kelautan, kesihatan dan pendidikan.

Katanya, aktiviti kumpulan kelautan adalah membina unjang ikan yang dinamakan 'payao' bersama kumpulan nelayan di Pulau Mabul dan menyiapkan sangkar ikan di Pulau Bum-Bum.

Kumpulan kedua yang terlibat dengan aspek kesihatan melakukan ceramah dan promosi penjagaan kesihatan kepada penduduk di Kg Pokas, manakala kumpulan pendidikan melaksanakan aktiviti keceriaan, kelas bimbingan dan motivasi di



**UNJAM LAUT DALAM ...** Nasir (tengah) disaksikan Kassim (lima kiri) bersama sebahagian penduduk dan mahasiswa memotong pita sempena melancar rasmi Pembuangan Payao (Unjam laut dalam) di kawasan laut pulau Mabul bersempena berkenaan.

Sekolah Kebangsaan Pokas.

"Ia merupakan satu sumbangan kecil daripada Maskum kepada masyarakat di Semporna dan kita harap program ini mampu meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar serta meningkatkan pendapatan para nelayan," katanya di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Dato' Sri Nasir Sakaran dan Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur.

Mengulas lanjut, Wan Mahzom berkata selain dapat

berbakti kepada masyarakat setempat, mahasiswa yang terlibat dalam program itu juga dapat mengenali lebih dekat budaya dan cara hidup masyarakat Bajau di Semporna.

Katanya, program seumpama itu juga boleh memantapkan nilai sahsiah diri di kalangan mahasiswa, selain berpeluang merasai sendiri suasana kehidupan di pulau yang penuh dengan cabaran.

Ia juga mampu menjadi pemangkin semangat dan membuka minda mereka tentang realiti kehidupan sebenar sebagai seorang

nelayan serta menyelami bagaimana perasaan berada di kawasan pedalaman.

Selain itu, tambahnya, khidmat bakti yang dilakukan bersama masyarakat tempatan memupuk mereka untuk mempunyai semangat bantu membantu dan erti kerja berpasukan.

"Ia merupakan satu program kesukarelawanan. Maka di sinilah mereka diuji untuk mempunyai sifat sabar dan tolong menolong antara satu sama lain. Malah di sini jugalah mereka mempraktikkan segala pembelajaran yang telah diperolehi di universiti masing-masing," katanya.